

Tarikh dibaca: 11 Mei 2018M / 25 Syaaban 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“RAMADHAN YANG DIRINDUI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"RAMADHAN YANG DIRINDUI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
لِيَجْزِيَ الَّذِينَ أَسَاءُوا بِمَا عَمِلُوا وَيَجْزِيَ الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى

1

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah dengan mentaati segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Tajuk khutbah pada hari ini ialah "**RAMADHAN YANG DIRINDUI.**"

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

¹ Al-Najm: 31



Alhamdulillah, kita telah selesai melaksanakan tanggungjawab memilih pemimpin dalam pilihanraya lalu. Marilah kita melupakan segala sengketa dan perselisihan serta marilah kita bersatu padu sepertimana pepatah melayu menyatakan "Biduk lalu, kiambang bertaut".

Marilah pula sama-sama kita menumpukan perhatian kepada membina keharmonian dan ukhuwah dalam keluarga dan masyarakat kita. Sekarang kita berada di akhir bulan Syaaban, satu bulan yang hampir dengan bulan Ramadhan yang mulia. Ini bermakna Bulan Ramadan sudah begitu dekat dan hampir untuk bertemu dengan kita. Sama ada kita sedar ataupun tidak, sama ada kita menantinya ataupun kita tidak suka dengan kehadirannya, Ramadhan akan datang juga. Maka beruntunglah orang yang sentiasa menanti-nantikan kehadiran bulan yang mulia ini dengan penuh kerinduan dan rugilah orang yang tidak suka dengan kehadirannya.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

"Telah datang kepada kamu Bulan Ramadhan, bulan yang diberkati. Allah mewajibkan ke atas kamu berpuasa dalam bulan ini. Pintu-pintu surga dibuka dan Pintu-pintu neraka ditutup. Syaitan-syaitan dibelenggu. Pada bulan tersebut, terdapat satu malam yang lebih baik dari 1000 bulan. Sesiapa yang diharamkan dari mendapat kebaikannya, sesungguhnya dia benar-benar telah diharamkan (mendapat kerugian)".

(Riwayat Ahmad).

Ibnu Rajab al-Hambali (إِبْنُ رَجَبٍ الْحَنْبَلِي) dalam menjelaskan hadis tersebut dengan berkata: Hadis iu pada asalnya adalah sebagai tahniah kepada manusia dengan kedatangan Ramadhan. Bagaimana orang yang



beriman tidak mendapat berita gembira dengan terbukanya pintu syurga? Dan bagaimana pula orang yang berdosa tidak mendapat berita gembira dengan tertutupnya pintu neraka? Bagaimana pula orang yang berakal tidak mendapat berita gembira dengan terbelenggunya segala syaitan?.

Muslimin sekalian,

Kedatangan Bulan Ramadhan disifatkan sebagai satu berita gembira atau *busyra*. Rasulullah telah menyampaikan berita gembira ini kepada para sahabatnya dan juga kepada umat seluruhnya. Salman al-Farisi (سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ) Radiallahu Anhu berkata: Rasulullah SAW telah berkhotbah kepada kami, **pada hari terakhir bulan Syaaban;**

"Wahai manusia, sesungguhnya kamu dibayangi oleh satu bulan yang agung, bulan yang berkat, bulan yang terdapat di dalamnya satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, bulan yang Allah SWT jadikan berpuasa pada sianginya sebagai satu kefarduan, menghidupkan malamnya dengan qiamullail sebagai satu amalan sunat. Sesiapa yang bertaqarrub kepada Allah SWT pada bulan ini dengan amalan yang baik, maka ganjarannya adalah sama seperti seorang yang melakukan tujuh puluh amalan fardhu pada bulan yang lain. Ia adalah bulan sabar dan ganjaran bagi kesabaran ialah syurga. Ia adalah bulan yang rezeki orang beriman akan bertambah. Sesiapa yang memberi makan untuk orang berbuka puasa, sesungguhnya dia mendapat keampunan terhadap dosanya dan terlepas daripada azab neraka dan dia mendapat ganjaran orang yang berpuasa tanpa ada kekurangan sedikit pun."



Seorang sahabat bertanya; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya tidak semua dikalangan kami ini yang memiliki sesuatu makanan untuk memberi orang yang berpuasa berbuka". Maka Rasulullah SAW menjawab: Allah memberi ganjaran seumpama ini bagi sesiapa yang memberi makan untuk berbuka puasa sama ada sebiji tamar atau dengan hanya seteguk air atau susu. Ia adalah satu bulan yang diawalnya adalah rahmat, pertengahannya adalah keampunan dan penghujungnya adalah pelepasan daripada api neraka.

(HR Ibnu Khuzaimah dalam sahihnya).

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Ramadhan umpama kekasih yang amat dirindui dan dinanti-nantikan kehadirannya oleh orang-orang yang beriman. Hati merasa rindu setelah hampir setahun berpisah dengannya. Begitulah suasana yang berlaku pada zaman salaf al-soleh (orang yang hidup pada zaman sahabat, tabi'in dan tabi'ut tabi'in) dahulu. Mereka menanti-nanti kehadiran Ramadan beberapa bulan sebelum bulan Ramadhan tiba. Bahkan sepanjang tahun mereka sentiasa dalam kerinduan kepada Ramadhan.

Al-Ma'la bin Al-Fadhli (الْمَعْلَى بن الْفَضْل) berkata: Sesungguhnya para salafussoleh berdoa kepada Allah selama 6 bulan sebelum Ramadhan agar mereka ditemukan dengan Ramadhan dan berdoa pula selama 6 bulan selepas Ramadhan agar amal ibadat mereka di Bulan Ramadhan diterima oleh Allah.

Selain itu, mereka akan cuba untuk menyelesaikan segala urusan keduniaan mereka sebelum masuk bulan Ramadhan, agar pekerjaan itu tidak mengganggu amal ibadat mereka di Bulan Ramadhan. Justeru itu, jika



sesuatu pekerjaan itu boleh diawalkan sebelum ramadhan mereka akan melakukannya lebih awal, jika pekerjaan itu dapat ditangguhkan sehingga selepas Ramadhan, maka mereka akan menangguhkannya. Begitulah keutamaan yang diberikan oleh para salafus soleh sebagai persediaan sebelum memasuki bulan Ramadhan. Demikianlah kehangatan dan kesungguhan mereka menanti kedatangan Ramadan. Persoalannya; bagaimana pula dengan kita?

Para tetamu Allah sekalian,

Tidak cukup dengan hati yang gembira dengan kedatangan Ramadhan. Kehadiran Ramadhan perlu dinanti dengan satu perancangan iaitu merancang amal ibadat dan amal kebajikan lain sepanjang Ramadhan. Perancangan ini perlu dibuat sebelum masuk bulan Ramadhan.

Antara persediaan yang boleh dilakukan ialah persediaan dari **segi ilmu, emosi atau rohani, persediaan jasmani dan persediaan harta atau wang.**

Pertama: Bersihkan hati dan perbaharui niat.

Sebelum kedatangan bulan Ramadhan yang mulia, alangkah eloknya jika kita dapat beristighfar dan bertaubat memohon keampunan Allah SWT bagi membersihkan hati dan jiwa kita, agar mudah melakukan ketaatan dan kebajikan. Kita juga hendaklah memperbaharui niat dan azam untuk tidak mensia-siakan Ramadhan pada tahun ini.

Kedua: Dari segi persiapan rohani.

Mohonlah kepada Allah agar Allah anugerahkan kepada kita hati yang suka dengan kehadiran Ramadhan, rindu akan kehadirannya, bersemangat untuk beramal ibadat. Berazamlah supaya dipanjangkan umur untuk bertemu



dengan Ramadhan, maka setiap detik dan ruang Ramadhan akan digunakan untuk meraih keredhaan Allah dan ganjaran pahala yang berganda.

Ketiga: Dari segi jasmani.

Bersiap sedialah dengan kesihatan yang baik agar ia tidak mengganggu amal ibadat nanti. Jika sakit berubatlah segera sebagai persediaan awal untuk Ramadhan. Dapatkan nasihat doktor, apa persediaan yang boleh dilakukan jika dia seorang yang menghadapi penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, jantung, gastrik dan seumpamanya.

Keempat: Dari segi harta atau kewangan.

Peruntukkanlah sebahagian daripada harta kita untuk bersedekah atau diinfakkan kepada perkara-perkara kebajikan pada Bulan Ramadan seperti memberi makan kepada orang yang berbuka sama ada di masjid, di rumah anak-anak yatim, fakir miskin dan seumpamanya. Perbanyakkan bersedekah pada bulan Ramadhan melebihi bulan-bulan yang lain kerana Rasulullah digambarkan sebagai seorang yang sangat pemurah pada bulan Ramadhan.

Muslimin sekalian,

Jika kita tidak merancang amal ibadat dan kebajikan dengan baik dan terancang, dikhuatiri Ramadhan datang dan berlalu begitu sahaja tanpa kita sempat melakukan kebaikan yang banyak. Berapa ramai orang yang telah tertipu dengan hawa nafsunya sehingga Ramadan berlalu begitu sahaja. Ramadhan hanya menjadi bulan pesta makanan dan pesta membeli belah sahaja.

Semua jemaah juga diingatkan agar menghormati bulan Ramadhan dengan memastikan agar tidak melakukan perkara-perkara yang boleh



merosakkan kesucian bulan yang mulia ini. Kesalahan tidak menghormati bulan Ramadhan termaktub dalam Seksyen 19 Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995 yang melarang perbuatan menjual kepada mana-mana orang Islam atau membeli apa-apa makanan, atau minuman atau rokok atau seumpamanya untuk tujuan diminum atau dimakan atau dihisap dalam waktu itu. Seksyen yang sama juga melarang orang-orang Islam makan, minum atau menghisap rokok atau seumpamanya di tempat terbuka atau tempat awam. Jika perkara-perkara tersebut dilakukan dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin menyeru dan berpesan kepada sidang Jumaat sekalian:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa segala perintah Allah SWT wajib dilaksanakan.
2. Umat Islam wajib berpuasa dan mempertingkatkan amal ibadat di sepanjang bulan Ramadhan.
3. Umat Islam hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan puasa di bulan Ramadhan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَمَنْ يَعْمَلْ مِنْ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا كُفْرَانَ لِسَعْيِهِ
وَإِنَّا لَهُ كَاتِبُونَ



“Dengan yang demikian, sesiapa yang mengerjakan sesuatu amal kebaikan, sedang ia beriman, maka tidaklah disia-siakan amal usahanya; dan sesungguhnya Kami tetap menuliskannya.”

(al-Anbia' : 94).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Shopuan/Nurul
30.04.2018.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكُو
أَمِير شَاه، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرْمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
